



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2023/2024 : SEKILAS DATA



5
NEGERI



14
DAERAH



1,361
KELUARGA




5,018
MANGSA



77
PPS AKTIF



*2
KEMATIAN



PETUNJUK

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

- 1 – 1,000
- 1,001 – 5,000
- Melebihi 5,000

*Catatan : Data kematian adalah kumulatif sejak 26 November 2023



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

SITUASI TERKINI

- Sehingga **25 Disember 2023, jam 12.00 tengah hari**, terdapat **sepuluh (14) daerah** di lima (5) negeri (Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) yang dilanda banjir dengan **peningkatan ketara** jumlah mangsa kepada **5,018** dalam tempoh 24 jam (**berbanding 1,741 mangsa pada 24 Disember 2023**). Ia melibatkan **1,361 keluarga** yang ditempatkan di **77 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga bertambah berbanding **21 buah pada 24 Disember 2023**.
- **Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah **Pasir Mas, Kelantan (1,174 mangsa)**, diikuti **Dungun, Terengganu (1,157 mangsa)** dan **Tanah Merah, Kelantan (733 mangsa)**.
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Terdapat **dua (2) kematian** akibat banjir MTL yang melibatkan **satu (1) kanak-kanak lelaki di Kota Bharu, Kelantan (26 November 2023)** dan **satu (1) kanak-kanak perempuan di Pasir Mas, Kelantan (24 Disember 2023)** direkodkan setakat ini. Manakala **satu (1) kanak-kanak perempuan masih lagi dilaporkan hilang di Pasir Mas, Kelantan pada 24 Disember 2023**.

MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga (3) stesen meteorologi utama** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **24 Disember 2023** adalah **Kuala Terengganu, Terengganu (108.4 mm)**, **Kuala Krai, Kelantan (107.6 mm)** dan **Kota Bharu, Kelantan (106.8 mm)**. Jumlah hujan harian tertinggi untuk tempoh 7 hari lepas adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca, **luruan monsun** dijangka berlaku **sehingga 27 Disember 2023**. Keadaan ini berpotensi membawa hujan lebat berterusan di **timur dan utara Semenanjung** serta angin kencang dan laut bergelora di Laut China Selatan dalam tempoh berkenaan.
- Sementara itu, di **negeri-negeri lain**, ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang berpotensi berlaku pada sebelah petang hingga ke malam.
- MET Malaysia telah mengemas kini **Amaran Hujan Berterusan (Bahaya, Buruk & Waspada)** yang melibatkan negeri **Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, dan Perak** berkuat kuasa **sehingga 26 Disember 2023** serta **Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora** berkuat kuasa sehingga 27 Disember 2023.
- **Amaran banjir terkini** yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ialah **Hebahan Amaran Banjir** bagi Negeri Kelantan, pada 25 Disember 2023 jam 9:00 pagi.

- Berdasarkan amaran banjir tersebut, NDCC telah mengeluarkan notis kepada syarikat-syarikat telekomunikasi bagi menyebarkan SMS amaran banjir kepada penduduk di setiap daerah yang terlibat.
- Setakat **2.00 petang, 25 Disember 2023** terdapat **lima belas (15) sungai** yang mencatatkan **kenaikan air aras bahaya**, iaitu ;
 - Batu Niah Bazaar, Miri
 - Sg. Lembing, Kuantan
 - Sg. Kelantan di Kuala Krai, Kuala Krai
 - Sg. Golok di Rantau Panjang (F1), Pasir Mas
 - Sg. Golok di Kg. Jenob (F1), Tanah Merah
 - Sg. Kelantan di Kuala Besar, Kota Bharu
 - Sg. Tersat di Kg. Sekayu, Hulu Terengganu
 - Sg. Besut di Jambatan Keruak, Besut
 - Sg. Dungun di Jambatan Jerangau, Dungun
 - Sg. Dungun di Kg. Pasir Raja, Dungun
 - Sg. Berang di Kg. Menerong, Hulu Terengganu
 - Sg. Tebak di Jambatan Tebak, Kemaman
 - Sg. Nerus di Kg. Langkap, Setiu
 - Sg. Setiu di Kg. Besut, Setiu
 - Sg. Besut di Kg. La, Besut
- Berdasarkan rekod kawasan *hotspot* dan cerun kritikal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), **tiada kawasan yang berisiko** mengalami tanah runtuh di daerah yang sedang dilanda banjir.
- Terdapat lapan (**8**) kejadian tanah runtuh di seluruh Malaysia direkodkan **sehingga 23 Disember 2023**, iaitu **empat (4) di Pahang, tiga (3) di Selangor** dan **satu (1) di Sarawak**.



IMPAK

- Bagi tempoh **11 November hingga 25 Disember 2023**, secara kumulatif seramai **8,550 keluarga** dan **28,747 mangsa** telah ditempatkan di PPS.
- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan dengan banjir MTL pada **25 Disember 2023** adalah sebanyak **1,361 buah rumah**.
- Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada **25 Disember 2023**, **19 sekolah rendah** di seluruh Malaysia terlibat dengan banjir.
- **30 institusi Pendidikan** dijadikan PPS yang melibatkan **26 sekolah rendah** dan **empat (4) sekolah menengah** di **Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pahang**.
- Manakala **394 orang murid berada di PPS**, iaitu **344 orang di Kelantan, sepuluh (10) orang di Negeri Sembilan, lima belas (15) orang di Pahang dan 25 orang di Terengganu**.



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023



IMPAK

- Merujuk kepada laporan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada **22 Disember 2023** terdapat **lapan (8) pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA) terjejas akibat banjir** di negeri **Kelantan**, iaitu Pok Teh Kana, Terusan, Salleh Beek, Pak Atah, Kaloi, Wakaf Zin, Sharifah & Serongga.
- Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), sehingga **21 Disember 2023**, secara kumulatif anggaran keluasan kawasan pertanian yang terjejas akibat banjir MTL di seluruh negara adalah **4,893.73 hektar** dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak **RM22,823,601.00** dan melibatkan **2,269 orang petani**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung **jalan yang ditutup** dan **penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 3**.



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **1,620,855** mangsa di seluruh negara.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi dan fasiliti penyimpanan barang keperluan bencana yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 4**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.

- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah makanan berbungkus (*packed food*) dan bantuan gotong royong dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti kain batik, kain pelikat, kit kebersihan dan kit minuman.
- JKM juga memperkenalkan makanan retort sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- Tindakan awal yang telah diambil oleh JPS ialah menyediakan pam air di lokasi PPS yang terlibat banjir.
- Setakat **25 Disember 2023**, JPS telah menggunakan **lima (5) pam air** untuk beberapa kawasan terjejas banjir, iaitu **satu (1) Pam 5qsec di Mulong, satu (1) Pam 5qsec di Wakaf Bharu, dua (2) Pam hidraulik submersible 10q di Pasir Mas, dan satu (1) Pam hidraulik submersible 10q di Kemumin**
- Tindakan telah diambil di Sungai Golok di Kuala Jambu, Tumpat, Kelantan dengan membina *temporary balancing culvert*.
- Bantuan tambahan **satu (1) unit pam hidraulik powerpack berkapasiti 10 cusec (280l/s)** telah dipasang di *outlet Sungai Sengkoh* oleh JPS Perak untuk **mengurangkan risiko banjir di Kawasan Pengairan Labu Kubong (blok 4B dan 5B), Kampung Kunci Air 4, Kampung Permatang Pelanduk dan kawasan sekitarnya**.
- Sehingga **25 Disember 2023**, tiada kawasan yang diputuskan bekalan elektrik akibat banjir dan setakat ini bekalan elektrik di semua kawasan termasuk di PPS adalah terkawal. Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga menyediakan genset untuk digunakan jika terdapat keperluan.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2023/2024.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 5**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023



MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Sehingga **22 Disember 2023**, terdapat **sebelas (11) NGO** yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah menyalurkan bantuan seperti **kit kebersihan, tuala wanita, tilam, lampin dewasa, kain batik, makanan ringan, pakaian dalam, Ready to Eat Food, makanan dimasak dan survival kits**.
- NGO turut memberikan **latihan asas kepada murid pra sekolah** di Sekolah Kebangsaan Pangkal Jenereh, Machang, Kelantan berkenaan pengenalan pengangkutan darat, pendidikan keselamatan dan teknik menaiki bot.
- Selain itu, sukarelawan dari NGO yang terlibat dalam misi bantuan banjir juga telah memberikan **bantuan khidmat kaunseling** di Sekolah Kebangsaan Tok' Deh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Baroh Pial, Rantau Panjang, Kelantan.
- Terdapat juga NGO yang bergerak ke kawasan penempatan yang dilanda banjir dan PPS Di Kelantan dan Terengganu untuk memberikan **sumbangan barangan keperluan asas** kepada mangsa banjir.
- Menurut NGO yang berada di lapangan, penduduk yang terkesan dengan banjir amat **memerlukan bantuan keperluan asas dan khidmat pembersihan dari sukarelawan serta orang awam**.
- Terdapat juga NGO yang menyumbang **Emergency Grab Bag** kepada penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- Tip Keselamatan Banjir :
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

Lampiran 1

PROFIL KAWASAN YANG TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH PPS	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Pasir Mas	276,843	65,427	54,226	83	33	61	217
2.	Tanah Merah	190,464	43,843	37,898	48	25	31	25
3.	Dungun	178,352	48,201	44,774	73	24	87	38



LAPORAN HARIAN BENCANA


AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI (mm)





LAPORAN HARIAN BENCANA

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

Lampiran 3

MAKLUMAT SITUASI JALAN UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

JKR MALAYSIA : Laporan Bencana Pada 22-12-2023@06:00 PM

BIL	DAERAH	NO LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN	JENIS KEJADIAN B - BANJIR BK - BANJIR KILAT CR - CERUN RUNTUH JR - JALAN RUNTUH JM - JALAN MENDAP JBTR - JAMBATAN RUNTUH/ROSAK	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN T: DITUTUP kepada semua Kenderaan B1 : DIBUKA kepada kenderaan BERAT sahaja B2 : Jalan DIBUKA kepada kenderaan RINGAN sahaja B3 : Jalan DIBUKA satu lorong sahaja
JOHOR									
1	Kluang	FT091	70.2 - 70.2	26/11/2023 18:23	JALAN KOTA TINGGI - KLUANG		CR	Tiada	B2
JUMLAH JOHOR									1
KEDAH									
1	Kubang Pasu	277	6.5 - 6.5	12/11/2023 8:00	Jalan Bukit Kayu Hitam-Bukit Tingga Sintok	Sebelum Kolej Pertanian Bukit Tingga	JR	Tiada	B2
2	Baling	K171	-	27/9/2023 21:00	JALAN KUPANG/IBOI/KG TANJUNG LUAS	Jambatan bailey Kampung Iboi	JBTR	Ada	B1
JUMLAH KEDAH									2
KELANTAN									
1	Pasir Mas	D333	1.5 - 2.3	15/12/2023 17:00	JALAN SK GUAL TOK DEH	Padang bola	B	Jalan Rantau Panjang Lama	B2
2	Pasir Mas	D185	2.0 - 3.3	15/12/2023 9:00	Jalan Pengkalan Rakit-Batu Karang	MASJID PADANG LICIN	B	Jalan Pasir Mas - Rantau Panjang	B2
3	Pasir Mas	-	1.8 - 1.83	16/12/2023 8:50	Jalan Paloh Rawa-Belukar Panjang	projek solar	B	Jalan Kg.Pek Paloh Rawa	T
4	Kuala Krai	D226	6.80 - 6.83	15/12/2023 14:00	Jalan Sg. Sok - Chuchuh Puteri	Lata Pauh	CR	Tiada	B2
JUMLAH KELANTAN									4
PAHANG									
1	Bentong	FT068	43.00 - 43.4	26/11/2023 1:00	Jalan Kuala Lumpur - Bentong (Jalan Lama Bentong)	Lokasi GPS [3.344722 : 101.818611]	CR	E8 Lebuhraya KL-Karak > Persimpangan Bukit Tinggi > BHP Bukit Tinggi > Janda Baik	B2
JUMLAH PAHANG									1
PERAK									
1	Batang Padang	1152	3 -	6/11/2023 8:30	Trolak Selatan		CR	Tiada	B2
2	Larut Matang Dan Selama	A21	33.0 - 33.0	25/9/2023 10:00	Jalan Sumpitan - Ijok		CR	Tiada	B2
JUMLAH PERAK									2
SELANGOR									
1	Kuala Langat	B124	-	16/10/2023 9:00	Jalan Bukit Jugra	Hiking Bukit Jugra dan Balai Cerap	CR	Tiada	B2
JUMLAH SELANGOR									1



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

JKR MALAYSIA : Laporan Bencana Pada 22-12-2023@06:00 PM

BIL	DAERAH	NO LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN	JENIS KEJADIAN B - BANJIR BK - BANJIR KILAT CR - CERUN RUNTUH JR - JALAN RUNTUH JM - JALAN MENDAP JBTR - JAMBATAN RUNTUH/ROSAK	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN T: DITUTUP kepada semua Kenderaan B1 : DIBUKA kepada kenderaan BERAT sahaja B2 : Jalan DIBUKA kepada kenderaan RINGAN sahaja B3 : Jalan DIBUKA satu lorong sahaja
TERENGGANU									
1	Marang	T002	21.2 -	20/12/2023 0:00	Jalan Marang - Wakaf Tapai		CR	jalan masih blh dilalui dan tidak memerlukan jln alternatif	B2
2	Marang	T002	21.3 -	21/11/2023 8:00	Jalan Marang - Wakaf Tapai	KG. SUNGAI KERAK	CR	TIADA	B2
3	Dungun	T118	1.90 - 1.90	16/12/2023 9:00	Jalan Durian Mentangau		JBTR	FT132 JALAN CHE LJAH-BUKIT BESI	B2
JUMLAH TERENGGANU									3
JUMLAH KESELURUHAN									14

PETUNJUK	
	Status Baru (Pindaan Status Laluan)
	Status Baru (Pertambahan Kejadian)
FT10	Jalan Persekutuan
A 20	Jalan Negeri



FASILITI PENYIMPANAN BARANG KEPERLUAN BENCANA JKM

BIL.	NEGERI	DSKB	STOR NEGERI	STOR DAERAH	MINI DEPOH / KONTENA	PANGKALAN HADAPAN
1.	Perlis	-	1	-	-	1
2.	Kedah	1	-	6	7	-
3.	Pulau Pinang	-	-	5	2	2
4.	Perak	-	1	13	9	-
5.	Selangor	1	-	12	2	37
6.	W.P. Kuala Lumpur	-	1	1	1	-
7.	Negeri Sembilan	-	2	7	-	-
8.	Melaka	-	1	3	4	-
9.	Johor	1	1	10	3	23
10.	Pahang	1	1	11	14	156
11.	Terengganu	1	-	9	13	150
12.	Kelantan	1	-	17	5	160
13.	Sarawak	1	-	12	3	27
14.	Sabah	1	1	21	5	5
15.	W.P. Labuan	-	-	1	-	-
JUMLAH		8	9	128	68	561

DSKB - Depot Simpanan Keperluan Bencana



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

25 DISEMBER 2023

Lampiran 5

JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	40	4x4: 1, BOT: 4, AMBULANS: 1, LORI: 1, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	42	LORI 3 TAN: 2, LORI 1 TAN: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	31	4x4: 2, LORI: 1, FRT/LFRT : 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	198	4x4: 33, BOT: 59, LORI: 16
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	46	-
2.	TERENGGANU	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	67	4x4: 7, BOT: 12, LORI: 7
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	158	4x4: 20, BOT: 8, LORI: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	36	-
3.	SELANGOR	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	150	4X4: 2, BOT: 5, LORI: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	3	4x4: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	6	-
4.	PAHANG	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	174	4x4: 18, BOT: 1, VAN: 3 LORI: 1, EMRS: 6, FRT/LFRT: 17
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	22	4x4: 4, BOT: 1
5.	NEGERI SEMBILAN	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	9	4x4: 1, FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	4	4x4: 1